

NO SOALAN : 47

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG**  
**(SEGAMBUT)**  
**TARIKH : 18.3.2015**  
**(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTATANAN menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menjadi negara pertama di Asia Tenggara yang memiliki senjata nuklear. Apakah jenis senjata yang akan dibeli tahun ini mengikut kosnya dan negara buatannya dan sama ada ia termasuk senjata yang dikenali dengan nama "*PepperBall*".**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Malaysia merupakan sebuah negara yang tegas berpendirian bahawa senjata nuklear adalah tidak sesuai untuk dimiliki atau digunakan kerana ia mengakibatkan kemusnahan yang tidak sepadan (*Dispropotiona*). Pendirian negara dan juga *Association of Southeast Asian Nation (ASEAN)* melalui Deklarasi Kuala Lumpur 1971 telah sepakat untuk mewujudkan rantau Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality – ZOPFAN*). Salah satu strategi pelaksanaan ZOPFAN adalah menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang bebas daripada senjata nuklear. Malaysia juga turut menandatangani Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) dan Perjanjian Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT). Malah Malaysia turut menyeru agar negara-negara yang menandatangani NPT supaya bersikap telus sepenuhnya dengan mematuhi keseluruhan skop yang ditetapkan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).**